

4000009028

HADIAH



EFFECT OF DIFFERENT SALINITIES ON HATCHING RATE OF *CLARIAS*  
*GARIEPINUS* EGGS

WONG MEI SHING

THIS THESIS IS PRESENTED AS PARTIAL FULFILLMENT FOR THE  
REQUIREMENTS TO OBTAIN A BACHELOR OF SCIENCE DEGREE WITH  
HONOURS

PERPUSTAKAAN  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

AQUACULTURE PROGRAM  
SCHOOL OF SCIENCE AND TECHNOLOGY  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

2006

## ABSTRAK

Tujuan utama kajian ini adalah untuk menentukan sama ada telur *Clarias gariepinus* dapat menetas dalam air yang bersaliniti rendah. Sebanyak  $74 \pm 12$  biji telur distokkan dalam 6 saliniti yang berbeza (0, 2, 4, 6, 8 and 10 ppt). Saliniti yang diuji disediakan dengan pencampuran air tawar dan air laut (30 – 35 ppt). Keadaan larva yang baru menetas diperhatikan di bawah sebuah mikroskop (Nikon Eclipse E 600). Larva abnormal yang mempunyai kecacatan bentuk, biasanya keluk atau berlingkar di bahagian ekor, dan berenang secara pasif diasingkan daripada larva yang normal. Bilangan larva yang normal dan abnormal ditentukan untuk pengukuran kadar penetasan telur *Clarias gariepinus*. Telur didapati menetas dalam semua saliniti yang diuji. Kadar penetasan telur yang paling tinggi diperhati berlaku dalam 4 ppt dengan 54.52 %, lebih tinggi berbanding dengan 0 ppt dan 2 ppt yang mencatat 41.45 % dan 46.76 % masing-masing. Kadar penetasan telur *Clarias gariepinus* adalah semakin menurun apabila saliniti meningkat. Peratusan larva abnormal diperhati lebih tinggi dalam 8 ppt dan 10 ppt dengan 41.52 % and 45.76 %. Keputusan kajian ini mencadangkan bahawa saliniti bagi penetasan telur *Clarias gariepinus* yang lebih baik adalah dari 0 – 4 ppt. Dengan itu air payau boleh digunakan untuk mengurangkan penggunaan air tawar pada peringkat perternakan awal dan meninggikan kadar penetasan telur *Clarias gariepinus*.